



**KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA**  
*Director General of Education Malaysia*  
**ARAS 8, BLOK E8**  
*Level 8, Block E8*  
**KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E**  
*Government Complex Parcel E*  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
*Federal Government Administrative Centre*  
**62604 PUTRAJAYA**

Tel: 03-8884 6077  
Faks: 03-8889 4548  
Laman Web: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld. **8 (13)**  
Tarikh : **09** Disember 2022

**Semua Ketua Bahagian**  
**Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**BILANGAN 7 TAHUN 2022**

**PENGGUNAAN KOD BAHARU PENULISAN AL-QURAN BRAILLE STANDARD**  
**MALAYSIA BAGI MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS KETIDAKUPAYAAN**  
**PENGLIHATAN SECARA BERPERINGKAT MULAI TAHUN 2023**

## **TUJUAN**

Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan Penggunaan Kod Baharu Penulisan al-Quran Braille Standard Malaysia (Kod Braille AQSM) bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Ketidakupayaan Penglihatan Secara Berperingkat Mulai Tahun 2023.

## **LATAR BELAKANG**

2. Kod Braille AQSM adalah Kod Braille al-Quran yang ditambah baik daripada Kod Braille al-Quran yang lama. Kod Braille AQSM ini mempunyai 10 kod penambahan tanda baca baharu dan lima (5) penambahbaikan penulisan al-Quran Braille.
3. Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) merupakan sebuah organisasi Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang mempunyai autoriti terhadap Kod Braille al-Quran di Malaysia. Pihak PERTIS dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri



(KDN) telah mengambil kira perubahan Kod Braille AQSM yang diselaraskan sehampir mungkin dengan mashaf al-Quran bercetak (Rasm Uthmani) terbitan Mujamma' Malik Fahd, Arab Saudi (Mashaf Madinah). Kod Braille AQSM mencakupi perubahan dalam Kod Braille al-Quran dan Bahasa Arab, iaitu ilmu penulisan dan pembacaan al-Quran, sistem penulisan Braille, Kod Mashaf al-Quran Braille Malaysia, tanda baca khas dan kaedah umum penggunaan al-Quran Braille.

4. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam memastikan MBPK ketidakupayaan penglihatan di sekolah pendidikan khas, Program Pendidikan Khas Integrasi dan Program Pendidikan Inklusif mendapat akses pendidikan yang berkualiti. Oleh itu, penggunaan Kod Braille AQSM dapat membantu MBPK ketidakupayaan penglihatan membaca al-Quran, mendapat maklumat dan berkongsi bahan penerbitan Braille menggunakan format Kod Braille AQSM secara menyeluruh.

5. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 15 Tahun 2022 bertarikh 10 Mei 2022 telah meluluskan Peralihan Penggunaan Kod Baharu Penulisan al-Quran Braille Standard Malaysia bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Ketidakupayaan Penglihatan Secara Berperingkat Mulai Tahun 2023.

## **PELAKSANAAN**

6. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah memastikan penggunaan Kod Braille AQSM dalam pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran MBPK ketidakupayaan penglihatan dilaksanakan di sekolah rendah dan sekolah menengah. Kod Braille AQSM juga digunakan dalam peperiksaan awam oleh Calon Berkeperluan Khas.

7. Strategi pelaksanaan Penggunaan Kod Baharu Penulisan al-Quran Braille Standard Malaysia bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Ketidakupayaan Penglihatan Secara Berperingkat Mulai Tahun 2023 yang dilampirkan bersama-sama SPI ini adalah sebagai dokumen rujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan Kod Braille AQSM.

8. Garis Panduan Penulisan Al-Quran Braille Standard Malaysia terbitan KDN perlu digunakan sebagai rujukan dan perlu dibaca bersama-sama dengan SPI ini.

## TARIKH KUAT KUASA

9. SPI ini **berkuat kuasa** mulai hari pertama Kalendar Akademik Sesi 2023/2024.

## TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

10. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dikehendaki mengambil tindakan bagi menentukan supaya pihak sekolah mematuhi perkara yang ditetapkan. YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan juga hendaklah memastikan kandungan SPI ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan sekolah bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

## “BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

  
(DATO' HJ. PKHARUDDIN BIN HJ. GHAZALI)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. YB. Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**STRATEGI PELAKSANAAN PENGGUNAAN KOD BAHARU PENULISAN AL-QURAN  
BRAILLE STANDARD MALAYSIA BAGI MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN  
KHAS KETIDAKUPAYAAN PENGLIHATAN SECARA BERPERINGKAT  
MULAI TAHUN 2023**

2023	2024	2025	2026
<p>Kod Braille AQSM digunakan untuk:</p> <p><b>i) Sekolah Rendah</b> Semua MBPK Tahun 1 hingga Tahun 3.</p> <p><b>ii) Sekolah Menengah</b> Semua MBPK Tingkatan 1 dan Tingkatan 4.</p>	<p>Kod Braille AQSM digunakan untuk:</p> <p><b>i) Sekolah Rendah</b> Semua MBPK Tahun 1 hingga Tahun 4.</p> <p><b>ii) Sekolah Menengah</b> Semua MBPK Tingkatan 1, Tingkatan 2, Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 serta Calon Berkeperluan Khas Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).</p>	<p>Kod Braille AQSM digunakan untuk:</p> <p><b>i) Sekolah Rendah</b> Semua MBPK Tahun 1 hingga Tahun 5.</p> <p><b>ii) Sekolah Menengah</b> Semua MBPK Tingkatan 1 hingga Tingkatan 6 (Semester 1).</p>	<p>Kod Braille AQSM digunakan untuk:</p> <p><b>i) Sekolah Rendah</b> Semua MBPK Tahun 1 hingga Tahun 6.</p> <p><b>ii) Sekolah Menengah</b> Semua MBPK Tingkatan 1 hingga Tingkatan 6 (Semester 1, 2 dan 3) serta Calon Berkeperluan Khas Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).</p>

**Buku Rujukan:**

Garis Panduan Penulisan Al-Quran Braille Standard Malaysia  
(sumber: Kementerian Dalam Negeri)